



GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK WARISAN

Disediakan oleh:

**Jabatan Warisan Negara
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia**

SENARAI KANDUNGAN**Seksyen 1.0: Garis panduan Umum**

1.1	Tujuan	-	m/s 3
1.2	Pengenalan	-	m/s 3
1.3	Definisi yang berkaitan	-	m/s 3
1.4	Garis Panduan Umum	-	m/s 4
1.5	Keperluan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan	-	m/s 5

Seksyen 2.0: Penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan

2.1	Isi Kandungan Laporan Penilaian Impak Warisan	-	m/s 7
2.2	Laporan Penilaian Impak Warisan untuk Tapak Arkeologi	-	m/s 8
2.3	Kelayakkan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan	-	m/s 9
2.4	Pengecualian Laporan Penilaian Impak Warisan	-	m/s 9

Appendik:

Format *H/A*

1.0 SEKSYEN 1: GARIS PANDUAN UMUM

1.1 Tujuan

Kertas ini bertujuan untuk menerangkan mengenai garis panduan yang perlu dipatuhi untuk penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan.

1.2 Pengenalan

Setiap tapak warisan perlu mengekalkan signifikan yang menjadi identiti tertentu yang melambangkan keunikannya. Keunikan ini menjadi aset penting yang perlu dipelihara dan dipulihara bukan sahaja untuk diwarisi kepada generasi akan datang, bahkan juga berpotensi menarik kedatangan pelancong. Untuk itu satu laporan perlu disediakan yang dikenali sebagai Laporan Penilaian Impak Warisan atau *Heritage Impact Assessment-HIA* bagi menilai atau mengenalpasti potensi impak serta cadangan mitigasi yang boleh dilakukan. Suatu garispanduan diperlukan supaya laporan yang disediakan mencakupi perkara-perkara yang diperlukan bagi membolehkan keputusan dibuat oleh pihak berwajib.

1.3 Definisi Yang Berkaitan

Kawasan Penampan	-	Merupakan lapisan perlindungan pertama ke atas kawasan <i>Property</i> atau Kawasan Utama
Kawasan Tertiari	-	Merupakan kawasan lapisan kedua yang melindungi Kawasan <i>Property</i> dan Kawasan Penampan.
Kawasan Utama	-	Merupakan <i>Property</i> atau tapak utama termasuk yang telah digazetkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO
Laporan Penilaian Impak Warisan -	-	Merupakan laporan yang perlu disediakan hasil daripada kajian ke atas lokasi cadangan projek mengenai impak yang boleh memberikan

		kesan ke atas satu-satu tapak atau kawasan warisan.
Siginifikan	-	Elemen penting yang menjadikan satu-satu tapak itu unik.
Tapak Warisan Dunia UNESCO	-	Merupakan satu-satu kawasan atau tapak yang telah diiktiraf oleh UNESCO
Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)	-	Merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semulajadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara berkaitan.

1.3 Garis panduan Umum

- 1.3.1 Berdasarkan kepada BAHAGIAN XV, Seksyen 112. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kelulusan Pesuruhjaya secara bertulis —
- (a) mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur atau mendeposit tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan;
 - (b) meroboh, mengganggu, menghalang, mengubah suai, menanda, meruntuhkan atau mengalih mana-mana monumen di mana-mana tapak warisan;
 - (c) mendirikan apa-apa bangunan atau struktur bersebelahan dengan suatu monumen di dalam mana-mana tapak warisan;
 - (d) memusnahkan perhubungan antara suatu bangunan dengan alam sekitarnya yang tidak selaras dengan ciri-ciri kejiranannya di mana-mana tapak warisan;
 - (e) membersihkan mana-mana kawasan atau mengganggu,

memusnahkan atau mengalih mana-mana pokok, tumbuhan bawah, rumput, rumput atau tumbuh-tumbuhan di mana-mana tapak warisan; atau

- (f) melakukan apa-apa aktiviti atau tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada tanah yang bersempadan dan tanah di sekitarnya yang telah didaftarkan sebagai suatu tapak warisan.

1.3.2 Selain itu, perkara-perkara berikut juga perlu dipatuhi:

- (a) pematuhan kepada Pelan Pengurusan Pemeliharaan satu-satu tapak atau bangunan;
- (b) pemastian signifikan tapak atau kawasan warisan yang berkaitan tidak terganggu;
- (c) pematuhan kepada kod bangunan dan garis panduan perundungan berkaitan supaya tidak merosakkan signifikan bangunan tersebut;
- (d) pengekalan elemen-elemen keaslian (authenticity) serta tidak menggugat integriti yang menjadi identiti satu-satu tapak;
- (e) pengharmonian bangunan warisan yang berhampiran serta imej atau setting sebagai bandar warisan;
- (f) pengelakkan penonjolan yang keterlaluan (prominent) sehingga boleh menenggelamkan bangunan atau monumen yang menjadi ikon bandar warisan dunia yang sedia ada;
- (g) permohonan pemajuan perlu dimajukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (seterusnya ia akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang turut dianggotai oleh Jabatan Warisan Negara).

1.4 Keperluan Penyediaan Laporan Impak Penilaian Warisan

Keperluan penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan ini adalah bagi perkara berikut:

1.5.1 Pembangunan baru yang melibatkan:

- i. kawasan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) meliputi Kawasan Utama dan Kawasan Penampan;
- ii. mana-mana tanah yang bersempadan dalam lingkungan dua ratus meter dari sempadan tanah yang diwartakan;
- iii. mana-mana tanah yang terpisah dari tanah yang diwartakan oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi dua puluh meter dan yang akan menjadi bersempadan dengan tanah yang diwartakan itu jika tanah itu tidak dipisahkan oleh jalan, lorong, park atau tanah rizab itu;

1.5.2 Bangunan yang telah diwartakan di bawah Akta 645 yang melibatkan kerja restorasi besar-besaran atau pertukaran penggunaan;

1.5.3 Kawasan *Property*, Kawasan Penampan atau Kawasan Tertiari Tapak Warisan Dunia yang telah ditetapkan dalam Pelan Pengurusan atau Rancangan Kawasan Khas (RKK) atau Pelan Pengurusan Pemuliharaan (PPP) atau yang telah dicadangkan sebagai kawasan *Property*; Kawasan Penampan atau Kawasan Tertiari yang melibatkan pembangunan baru di atas tapak yang telah dikategorikan sebagai *Infill* dan *Replacement*;

1.5.4 Bangunan yang telah diletakkan di bawah kategori II dan IIA yang telah ditetapkan dalam mana-mana RKK atau PPP yang melibatkan kerja penambahan dan penyambungan bangunan; kerja-kerja restorasi besar-besaran; pertukaran penggunaan atau lain-lain;

1.5.5 Mana-mana kawasan yang bersempadan atau berhadapan dengan perimeter Kawasan Zon Penampan Tapak Warisan Dunia dan Kawasan Tertiari;

1.5.6 Tapak arkeologi yang mana pembangunan dicadangkan melibatkan kawasan melebihi keluasan 5 ekar atau pembangunan dalam kawasan Penampan;

1.5.7 Tapak-tapak yang sedang dalam proses untuk diangkat sebagai tapak Warisan, Warisan Kebangsaan atau Tapak Warisan Dunia;

1.5.8 Keputusan oleh Jabatan Warisan Negara supaya dilaksanakan HIA ke atas mana-mana projek yang dirasakan perlu.

(maklumat dan perincian kawasan yang terlibat perlu diperolehi daripada pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) atau Pihak Berkuasa Tempatan)

2.0 PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK WARISAN

2.1 Isi kandungan Laporan Penilaian Impak Warisan

Isi kandungan Laporan Penilaian Impak Warisan isi kandungannya perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

(a) Pengenalan

- Ringkasan Eksekutif (*Executive Summary*)
- Pernyataan tentang nilai-nilai keunggulan sejagat (*Statement of Outstanding Universal Value*) atau signifikan tapak yang terlibat
- Laporan Survei lapangan
- Deskripsi kawasan
- Kawasan (*boundary*) yang terlibat
- Garipanduan PPP atau RKK berkaitan tapak yang dimaksudkan
- Gambaran Model Projek yang dicadangkan

(b) Cadangan projek pembangunan/ restorasi yang dicadangkan

(c) Pengenalpastian *important view point* melibatkan tapak berkaitan (jika perlu) (dalam bentuk peta kawasan)

(d) Penilaian impak yang berkaitan:

- Impak *outstanding* sebagai Tapak Warisan Dunia/ impak signifikan Tapak Warisan Kebangsaan atau Warisan
- Impak visual daripada *important view point* (termasuk dari segi *latar langit (skyline)*) (jika perlu)

- Impak alam sekitar
- Impak trafik
- Impak kebudayaan
- Impak bunyi
- Impak pelancongan (kesan kepada pelancong akibat pelaksanaan projek dan kesan pelancongan ke atas tapak atau kawasan warisan)

*Setiap impak yang ada perlu disediakan cadangan itigasi (*Mitigation Measures*)

(e) Hasil kajian dan cadangan

(f) Maklumat sokongan / tambahan yang diperlukan

Appendik 1 – Pelan A3 Projek yang dicadangkan beserta lokasi

Appendik 2 – Lukisan Projek yang dicadangkan

Appendik 3 – Lukisan gambaran artis mengenai projek yang dicadangkan

Appendik 4 – *Bibliography*

2.2 Laporan Penilaian Impak Warisan yang melibatkan Tapak Arkeologi

Kenyataan oleh Pakar meliputi pengesahan perkara berikut:

- i. Tahap signifikan dan sensitiviti tapak terlibat beserta hubungannya dengan signifikan arkeologi dalam kontek lokaliti yang berkaitan)
- ii. Potensi akibat pelaksanaan projek dicadangkan sama ada memberi kesan atau tiada memberi kesan
- iii. Pelan Mitigasi
Pernyataan pelan mitigasi untuk mengelakkan gangguan tanah serta tidak memberikan kesan ke atas kesan arkeologi (jika ada) atau tapak arkeologi yang berhampiran
- iv. Saranan dan pandangan pakar arkeologi (sama ada projek yang dicadangkan sesuai atau boleh diteruskan atau tidak)

2.3 Kelayakan Individu untuk penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan

Secara umumnya, kelayakkan individu yang mengetuai satu-satu Laporan HIA adalah individu yang mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan skop laporan yang akan disediakan.

2.4 Pengecualian Penyediaan Laporan Penilaian Impak Warisan

Perkara-perkara berikut adalah dikecualikan daripada menyediakan Laporan Penilaian Impak Warisan:

- i. penyelenggaraan berkala dan kerja-kerja pembaikan kecil;
- ii. kerja-kerja pembersihan;
- iii. kawalan trafik dan projek kajian lalulintas;
- iv. kerja-kerja pendawaian elektrik dan pemasangan paip;
- v. perkara-perkara yang melibatkan pembelian bangunan, monumen atau tapak dan kajian konsultan; dan
- vi. kerja-kerja pembaikan kecemasan berskala kecil
- vii. pemasangan struktur sementara yang tidak melebihi tempoh 3 bulan; dan
- viii. lain-lain perkara yang diputuskan oleh pihak Jabatan Warisan Negara.

(LAMPIRAN)

(Format Muka Hadapan)

Laporan Penilaian Impak Warisan

Untuk.....
.....

**Disediakan berdasarkan Garis Panduan Laporan Penilaian Impak
Warisan 2020.**

Format Cetakan Laporan

1.0 Laporan Penilaian Impak Warisan hendaklah dicetak dalam bentuk :-

- i. Portrait
- ii. Kertas saiz A4
- iii. Kertas 80 gsm
- iv. Kulit keras (warna merah saga (SAGA RED)
- v. Cetakan laporan hendaklah bewarna bagi gambar-gambar, peta dan yang berkaitan.
- vi. Untuk tulang buku hendaklah ditulis tajuk laporan font ARIAL 20, UPPERCASE, tuliskan juga bulan dan tahun laporan di siapkan. Sebagai contoh :-

LAPORAN PENILAIAN IMPAK WARISAN TAPAK BUKIT BUNUH APRIL 2020

2.0 Sediakan dua poket fail di akhir laporan untuk dimasukkan dua cakera padat seperti berikut :-

Cakera padat 1 : *Softcopy Laporan*

Cakera padat 2: *Softcopy gambar-gambar sebelum dan selepas projek yang dicadangkan.*